

Ruj. MIDA : IGTEC/2022/00576
No. Ruj. Fail : MIDA.007.600-4/5/594



MIDA SENTRAL

No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

T : + 603. 2267 3633

F : + 603. 2274 7970

E : investmalaysia@mida.gov.my

www.mida.gov.my

Tetuan

JKS Biomedical Sdn. Bhd.

No 29, Jalan PJU 1A/15

Taman Perindustrian Jaya

47301 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tuan,

Permohonan Daripada **JKS Biomedical Sdn. Bhd.** Untuk Mendapatkan **Pengecualian Cukai Pendapatan Bersamaan Elaun Cukai Pelaburan** Bagi **Projek Teknologi Hijau** Di Bawah Seksyen 127(3)(b), Akta Cukai Pendapatan, 1967 Bagi **Menjana Tenaga Boleh Diperbaharui Dengan Menggunakan Solar Untuk Kegunaan Sendiri**

Saya merujuk kepada permohonan syarikat dan maklumat lengkap yang diterima oleh MIDA pada 8 Julai 2022 mengenai perkara seperti di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **Kerajaan Malaysia** bersetuju **meluluskan** permohonan tuan seperti berikut:-

Pengecualian cukai pendapatan bersamaan Elaun Cukai Pelaburan bagi **Projek Teknologi Hijau** di bawah Seksyen 127(3)(b), Akta Cukai Pendapatan, 1967 sebanyak **100%** ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan untuk tempoh **3 tahun** bermula dari tarikh yang ditetapkan oleh **Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC)** bagi **menjana tenaga boleh diperbaharui dengan menggunakan solar untuk kegunaan sendiri**. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:-

- (i) Syarikat hendaklah menjana tenaga boleh diperbaharui untuk kegunaan sendiri yang diluluskan dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan ini di:-

20, Lal Kangsar 5
Off Jalan Kuala Kangsar
30010 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

- (ii) Syarikat hendaklah mendapatkan pengesahan ke atas aset-aset yang digunakan di dalam projek ini dengan mengemukakan sijil MyHijau ataupun pensijilan produk yang diiktiraf oleh *Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC)* dan mendapatkan pengesahan tahunan untuk tahun-tahun berikutnya daripada MGTC.
- (iii) Syarikat hendaklah menggunakan solar sebagai sumber tenaga.
- (iv) Jumlah gunatenaga tambahan sepenuh masa bagi projek ini hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% warganegara Malaysia. Penggajian rakyat asing (termasuk pekerja yang diperolehi melalui penyumberan luar) adalah tertakluk kepada dasar semasa.
- (v) Syarikat hendaklah mematuhi kaedah-kaedah cukai pendapatan (Penentuan Harga Pindahan 2012) dan garis panduan Pindahan Harga (*Transfer Pricing*) yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi sebarang transaksi dengan pihak/syarikat yang berkaitan.
- (vi) Syarikat hendaklah mengemukakan perjanjian berkaitan penyewaan tapak projek di antara JKS Biomedical Sdn. Bhd. dengan pemilik tapak projek tersebut di mana tempoh perjanjian tersebut hendaklah berkuatkuasa dan sah sepanjang tempoh galakan cukai.
- (vii) Elaun cukai pelaburan ke atas perbelanjaan modal yang layak hanya boleh ditolak daripada pendapatan berkanun perniagaan dari lokasi pemasangan yang diluluskan sahaja.
- (viii) Syarikat hendaklah mendapatkan kelulusan lesen bagi aktiviti menjana tenaga elektrik daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) sekiranya menjana tenaga melebihi 24 kW (*single phase*) atau 72 kW (*three phase*).

3. Syarikat dikehendaki supaya memohon untuk mendapatkan Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (Akta 156) secara atas talian di alamat <https://investmalaysia.mida.gov.my> memandangkan dana pemegang-pemegang saham syarikat telah mencapai RM2,500,000.

4. Syarikat dikehendaki memohon penetapan tarikh kuatkuasa dan mendapatkan pengesahan pematuhan syarat dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kelulusan galakan ini daripada:-

Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC)
No. 2, Jalan 9/10
Persiaran Usahawan
Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan
(u.p. *Certification & Verification Centre*)
Tel: +603-8921 0800
Fax: +603-8921 0801
www.greentechmalaysia.my

5. Sekiranya syarikat gagal melaksanakan projeknya dalam tempoh yang ditetapkan, syarikat tuan boleh membuat permohonan untuk mendapatkan penangguhan daripada Bahagian Teknologi Hijau, MIDA.

6. Jika tuan tidak membuat permohonan kepada *Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC)* dalam tempoh yang ditetapkan tersebut, notis penarikan balik akan dikeluarkan.

7. Sekiranya syarikat tuan memerlukan bantuan susulan dan khidmat nasihat terhadap pelaksanaan projek yang diluluskan, syarikat hendaklah menghubungi Unit PACU melalui emel: pacu@mida.gov.my. Syarikat tuan juga adalah dikehendaki untuk mengemaskini status kemajuan projek di dalam *Implementation & Tracking Monitoring System (ITMS)* di mana maklumat akses ITMS akan diemelkan kemudian. Sila rujuk maklumat PACU dan Wakil Jabatan/Agensi seperti di Lampiran I.

Sekian, dimaklumkan.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

**Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
Tingkat 28, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
(u.p. YBhg. Dato' Sri Norazman Ayob
Timbalan Ketua Setiausaha [Industri])

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Bahagian Analisa Cukai
Tingkat 6 & 7 Blok Tengah, Presint 2
Kompleks Kementerian Kewangan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya
(u.p. YBhg. Dato' Che Nazli Binti Jaapar
Setiausaha Bahagian Cukai)

Ketua Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
Wisma Hasil
Persiaran Rimba Permai
Cyber 8, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
(u.p. Puan Salamattunnajan Binti Besah
Pengarah Jabatan Dasar Percukaian)

Pengarah
Bahagian Pasca Pelaburan / PACU
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Pengarah
Bahagian Perancangan Strategik dan Advokasi Polisi (Perkhidmatan)
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Pengarah
Bahagian Statistik Pelaburan
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Pengarah
MIDA Perak
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC)
No. 2, Jalan 9/10
Persiaran Usahawan
Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan
(u.p. Encik Shamsul Bahar Bin Mohd Nor
Ketua Pegawai Eksekutif)

PROJECT ACCELERATION & COORDINATION UNIT (PACU)
DAN SENARAI WAKIL-WAKIL JABATAN KERAJAAN, AGENSI DI MIDA

Sekiranya syarikat tuan memerlukan bantuan pihak kerajaan dalam perkara-perkara berikut, pihak tuan dinasihatkan untuk menghubungi **Pengarah, Pasca Pelaburan** atau **Wakil-Wakil Agensi/Jabatan Kerajaan di MIDA** seperti di alamat berikut:

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
MIDA Sentral
No. 5, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur

i) Pengarah, Bahagian Pasca Pelaburan / PACU

Tel : 03-2267 3473
Fax : 03-2273 3872
E-Mel : postinvestment@mida.gov.my
: pacu@mida.gov.my

ii) Wakil Jabatan Tenaga Kerja

Tel : 03-8886 5192
Fax : 03-8889 2368
E-Mel : roslan_b@mohr.gov.my

[i. Bagi pendaftaran syarikat di bawah Akta Pekerja, 1955; dan

ii. Bagi mendapatkan calon-calon pekerja tempatan untuk berkhidmat di syarikat tuan].

iii) Wakil Kastam Diraja Malaysia

Tel : 03-2267 3561 / 3564
Fax : 03-2273 3872
E-Mel : ibrahim.kastam@mida.gov.my

[Bagi mendapatkan khidmat nasihat sekiranya isu/permasalahan berkaitan kastam tidak dapat diselesaikan diperingkat Cawangan/Negeri].

iv) Wakil Jabatan Imigresen Malaysia

Tel : 03-2267 3533
Fax : 03-2273 4193
E-Mel : kasthuri@imi.gov.my

[Bagi mendapatkan dokumen/permit dan prosedur berkaitan jawatan pegawai dagang yang telah diluluskan].

v) Wakil Telekom Malaysia Berhad

Tel : 03-2263 2502
Fax : 03-2273 3872
E-Mel : mohdzakir.tm@mida.gov.my

[Bagi mendapatkan panduan mengenai perkhidmatan bekalan telekomunikasi].

vi) Wakil Tenaga Nasional Berhad

Tel : 03-2723 6058
Fax : 03-2723 6108
E-Mel : AzlinaAR@tnb.com.my

[Bagi mendapatkan panduan mengenai bekalan tenaga elektrik].